



3 Mei 2013  
3 May 2013  
P.U. (A) 151

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2013

*ELECTRICITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990  
PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Menteri membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 3 Mei 2013.

**Pindaan Peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 [P.U. (A) 38/1994], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2-

(a) dengan memasukkan selepas takrif "aksesori" takrif-takrif yang berikut:

"“badan penilaian pematuhan” ertinya suatu badan penilaian pematuhan asing atau tempatan yang aktiviti dan kepakarannya termasuklah pelaksanaan bagi semua atau mana-mana peringkat proses penilaian pematuhan;

“badan penilaian pematuhan asing” ertinya suatu badan penilaian pematuhan yang mempunyai tempat perniagaannya di negara selain dari Malaysia dan negara itu telah memasuki suatu perjanjian pengakuan timbal balik dengan Malaysia;

“badan penilaian pematuhan tempatan” ertinya suatu badan penilaian pematuhan yang mempunyai tempat perniagaannya di Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya mengikut Peraturan 97B;”;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “Kontraktor Perkhidmatan Elektrik” takrif yang berikut:

““label penarafan kecekapan” ertinya suatu label yang menyediakan informasi tentang aras prestasi tenaga suatu kelengkapan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 101A;”;

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Perakuan Kelulusan” takrif yang berikut:

““Perakuan Pematuhan” ertinya Perakuan Pematuhan yang dikeluarkan oleh suatu badan penilaian pematuhan;”;

- (d) dengan memasukkan selepas takrif “peranti arus baki” takrif yang berikut:

““perjanjian pengakuan timbal balik” ertinya apa-apa perjanjian atau persetujuan antara Malaysia dengan mana-mana negara lain;”;

- (e) dengan memasukkan selepas takrif “perkakas” takrif yang berikut:

““pihak berkuasa akreditasi” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Standard sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549];”.

### **Pindaan peraturan 47**

3. Subperaturan 47(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

- (a) dalam perenggan (b) dengan memasukkan selepas perkataan “kejuruteraan elektrik” perkataan “atau kejuruteraan elektrik dan elektronik”;

(b) dalam perenggan (c) dengan memasukkan selepas perkataan “kejuruteraan elektrik” perkataan “atau kejuruteraan elektronik”;

(c) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) dalam hal seorang Jurutera Profesional dalam kejuruteraan elektrik, bahawa dia mempunyai tidak kurang daripada lima tahun pengalaman bekerja dalam persekitaran sektor tenaga yang kelengkapan elektriknya dikendalikan dan telah mempunyai pengalaman mengawal kelengkapan hidup;”;

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(da) dalam hal seorang Jurutera Profesional dalam kejuruteraan elektronik, bahawa dia mempunyai tidak kurang daripada lapan tahun pengalaman bekerja dalam persekitaran sektor tenaga yang kelengkapan elektriknya dikendalikan dan telah mempunyai pengalaman mengawal kelengkapan hidup;”.

#### **Pindaan peraturan 97**

4. Peraturan 97 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut–

“(1) Tertakluk kepada peraturan 97C, 97D, 97E dan 101A, tiada seorang pun boleh mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan–

- (a) apa-apa kelengkapan domestik;
- (b) apa-apa kelengkapan voltan rendah yang biasanya dijual secara langsung kepada orang awam; atau
- (c) apa-apa kelengkapan voltan rendah yang tidak memerlukan kemahiran khusus dalam pengendaliannya,

kecuali kelengkapan itu diluluskan oleh Suruhanjaya.”.

#### **Peraturan-peraturan baru 97A, 97B, 97C, 97D, 97E dan 97F**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 97 peraturan-peraturan yang berikut:

*“Pengiktirafan badan penilaian pematuhan asing.*

97A. (1) Bagi maksud memperakukan apa-apa kelengkapan di bawah peraturan 97, Suruhanjaya hendaklah memberikan pengiktirafan kepada suatu badan penilaian pematuhan asing, mengikut cara yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

Dengan syarat bahawa, badan penilaian pematuhan asing itu hendaklah diiktiraf, didaftarkan atau dilesenkan oleh pihak berkuasa relevan di dalam negara yang badan penilaian pematuhan asing itu menjalankan perniagaannya.

(2) Suruhanjaya hendaklah berhenti mengiktiraf suatu badan penilaian pematuhan asing di bawah subperaturan (1), jika pengiktirafan, pendaftaran atau lesen yang diberikan kepada badan penilaian pematuhan asing itu dibatalkan oleh pihak berkuasa relevan itu.

(3) Semua laporan ujian, perakuan, rekod atau fail

teknikal yang dihasilkan oleh suatu badan penilaian pematuhan asing mengikut Peraturan-Peraturan ini hendaklah diiktiraf sebagai sah dan berkekalan bagi tujuan Bahagian ini, tanpa menjejaskan apa-apa ujian atau penilaian lanjut, yang akan dibuat ke atasnya sebagaimana disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

*Pendaftaran badan penilaian pematuhan tempatan.*

97B. (1) Bagi maksud memperakukan apa-apa kelengkapan di bawah peraturan 97, suatu badan penilaian pematuhan tempatan hendaklah memohon untuk berdaftar dengan Suruhanjaya, mengikut cara yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

Dengan syarat bahawa, badan penilaian pematuhan tempatan itu telah diakreditasikan oleh pihak berkuasa akreditasi.

(2) Suatu badan penilaian pematuhan tempatan yang berdaftar di bawah subperaturan (1) hendaklah dikeluarkan dengan suatu Perakuan Pendaftaran sebagai badan penilaian pematuhan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Borang U1 Jadual Pertama.

(3) Suatu Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah sah untuk tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun dari tarikh pengeluaran atau pembaharuan perakuan itu.

*Pendaftaran pengilang dan pengimport.*

97C. (1) Mana-mana orang yang mengilang atau mengimport apa-apa kelengkapan di bawah peraturan 97 hendaklah memohon untuk berdaftar dengan Suruhanjaya, mengikut cara yang boleh ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(2) Seorang pengilang atau pengimport yang berdaftar di bawah subperaturan (1) hendaklah dikeluarkan dengan suatu

Perakuan Pendaftaran untuk mengilang atau mengimport sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang V1 Jadual Pertama.

(3) Suatu Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah sah untuk tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun dari tarikh pengeluaran atau pembaharuan perakuan itu.

*Pengemukakan  
laporan ujian  
atau Perakuan  
Pematuhan oleh  
pengilang.*

97D. (1) Mana-mana pengilang yang dikeluarkan dengan suatu Perakuan Pendaftaran di bawah peraturan 97C hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

(a) suatu laporan ujian berkaitan pematuhan kelengkapan dengan standard keselamatan sebagaimana yang diiktiraf oleh Suruhanjaya; atau

(b) suatu Perakuan Pematuhan yang dikeluarkan oleh badan penilaian pematuhan tempatan.

(2) Suatu laporan ujian di bawah subperaturan (1) hendaklah dikeluarkan oleh suatu makmal ujian yang diakreditasi oleh pihak berkuasa akreditasi dan laporan ujian itu hendaklah sah untuk tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi lima tahun dari tarikh laporan itu.

(3) Suatu Perakuan Pematuhan di bawah subperaturan (1) hendaklah sah untuk tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perakuan itu.

(4) Apabila tamat tempoh suatu laporan ujian atau Perakuan Pematuhan, mengikut mana-mana yang sesuai, pengilang hendaklah mengemukakan laporan ujian atau Perakuan Pematuhan

yang baru mengikut peraturan ini.

(5) Seorang pengilang yang mengemukakan suatu laporan ujian atau Perakuan Pematuhan di bawah peraturan ini hendaklah memastikan bahawa laporan ujian atau Perakuan Pematuhan itu mempunyai tempoh keesahan tidak kurang dari satu tahun dari tarikh tamat tempoh laporan ujian atau Perakuan Pematuhan itu.

*Pengemukaan  
laporan ujian  
atau Perakuan  
Pematuhan oleh  
pengimport.*

97E. (1) Mana-mana pengimport yang dikeluarkan dengan suatu Perakuan Pendaftaran di bawah peraturan 97C hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya—

(a) suatu laporan ujian berkaitan pematuhan kelengkapan dengan standard keselamatan sebagaimana yang diiktiraf oleh Suruhanjaya; atau

(b) suatu Perakuan Pematuhan yang dikeluarkan oleh badan penilaian pematuhan asing yang diiktiraf Suruhanjaya di bawah peraturan 97A.

(2) Suatu laporan ujian di bawah subperaturan (1) hendaklah dikeluarkan oleh suatu makmal ujian yang diiktiraf Suruhanjaya dan laporan itu hendaklah sah untuk tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi lima tahun dari tarikh laporan itu.

(3) Suatu Perakuan Pematuhan di bawah subperaturan (1) hendaklah sah untuk tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun dari tarikh perakuan itu.

(4) Apabila tamat tempoh suatu laporan ujian atau Perakuan Pematuhan, mengikut mana-mana yang berkenaan,



pengimport hendaklah mengemukakan laporan ujian atau Perakuan Pematuhan yang baru kepada Suruhanjaya mengikut peraturan ini.

(5) Seorang pengimport yang mengemukakan suatu laporan ujian atau Perakuan Pematuhan di bawah peraturan ini hendaklah memastikan bahawa laporan ujian atau Perakuan Pematuhan itu mempunyai tempoh keesahan tidak kurang dari satu tahun dari tarikh tamat tempoh laporan ujian atau Perakuan Pematuhan itu .

*Tanggungjawab  
untuk  
menyimpan fail  
teknikal  
kelengkapan,  
dsb.*

97F. (1) Seorang pengilang atau pengimport yang dikeluarkan dengan suatu Perakuan Pendaftaran di bawah peraturan 97C hendaklah menyimpan semua fail teknikal apa-apa kelengkapan yang dikeluarkan bersama-sama dengan suatu laporan ujian atau Perakuan Pematuhan, mengikut mana-mana yang sesuai, untuk tidak kurang dari sepuluh tahun selepas kelengkapan terakhir meninggalkan peringkat pengeluaran.

(2) Suatu makmal ujian yang diakreditasi oleh pihak berkuasa akreditasi, hendaklah menyimpan semua fail teknikal apa-apa kelengkapan yang dikeluarkan bersama-sama dengan suatu laporan ujian untuk tidak kurang dari enam tahun selepas tamat tempoh laporan itu.

(3) Suatu badan penilaian pematuhan tempatan hendaklah menyimpan semua fail teknikal apa-apa kelengkapan yang dikeluarkan dengan suatu Perakuan Pematuhan untuk tidak kurang dari enam tahun selepas tamat tempoh keesahan Perakuan Pematuhan itu.”.

**Peraturan baru 101A, 101B dan 101C**

6. Bahagian III Peraturan-Peraturan ibu dipinda di bawah kepala “Kelulusan Kelengkapan” dengan memasukkan selepas peraturan 101 peraturan-peraturan yang berikut:

*“Penggunaan elektrik dengan cekap oleh kelengkapan.* 101A. (1) Bagi maksud penggunaan elektrik dengan cekap, sebelum permohonan untuk suatu Perakuan Kelulusan di bawah peraturan 97, mana-mana orang yang mengilang, mengimport, menjual atau membuat tawaran untuk menjual atau memajak apa-apa kelengkapan di bawah peraturan itu, hendaklah memastikan bahawa kelengkapan itu menepati standard ujian prestasi tenaga, standard prestasi tenaga minimum dan penarafan kecekapan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), seorang pengilang atau pengimport kelengkapan itu hendaklah mengemukakan suatu laporan ujian prestasi tenaga mengikut peraturan 101B.

(3) Mana-mana kelengkapan yang memenuhi semua kehendak penggunaan elektrik dengan cekap di bawah subperaturan (1) hendaklah ditampalkan dengan label penarafan kecekapan mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

*Laporan ujian prestasi tenaga.* 101B. (1) Suatu laporan ujian prestasi tenaga di bawah subperaturan 101A(2) hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya, mengikut cara yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suatu laporan ujian prestasi tenaga di bawah subperaturan (1) hendaklah sah untuk tidak kurang dari satu tahun dan tidak melebihi lima tahun dari tarikh laporan itu.

(3) Apabila tamat tempoh suatu laporan ujian prestasi tenaga, seorang pengilang atau pengimport hendaklah mengemukakan suatu laporan ujian prestasi tenaga yang baru kepada Suruhanjaya mengikut peraturan ini.

(4) Seorang pengilang atau pengimport yang mengemukakan suatu laporan ujian prestasi tenaga di bawah peraturan ini hendaklah memastikan bahawa laporan ujian itu mempunyai tempoh keesahan tidak kurang dari satu tahun sebelum tarikh tamat tempoh laporan ujian itu.

*Pengemukakan  
untuk ujian  
dan  
penyitaan  
bagi maksud  
penggunaan  
elektrik  
dengan  
cekap.*

101C. (1) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang mengilang, mengimport, menjual atau membuat tawaran untuk jualan atau pajakan kelengkapan yang disebut dalam peraturan 101A, untuk menghantar, dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, sampel kelengkapan itu untuk suatu pemeriksaan dan ujian.

(2) Jika, mengikut pendapat Suruhanjaya, mana-mana kelengkapan yang tidak memenuhi kehendak penggunaan elektrik dengan cekap di bawah peraturan 101A, Suruhanjaya boleh melarang pengilangan, pengimportan, penjualan atau pembuatan tawaran untuk jualan atau pajakan kelengkapan itu dan boleh mengarahkan orang yang dinyatakan dalam subperaturan (1) untuk mengeluarkan atau menarik balik dalam tempoh yang ditetapkan, semua kelengkapan dari pengilangan, pengimportan, penjualan atau pembuatan tawaran untuk jualan atau pajakan dan sekiranya perlu, boleh menyita dan mengalihkan kelengkapan itu.

(3) Suruhanjaya adalah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan dalam penghantaran atau

penyitaan dan pengalihan kelengkapan di bawah subperaturan (1) atau (2), mengikut mana-mana yang sesuai.”.

#### **Pindaan peraturan 102**

7. Peraturan 102 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “71, 75, 80, 84, 88 atau 92” perkataan “71, 75, 80, 84, 88, 92, 97B atau 97C”.

#### **Pindaan peraturan 103**

8. Subperaturan 103(1) dan (2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “71, 75, 80, 84, 88 atau 92” perkataan “71, 75, 80, 84, 88, 92, 97B atau 97C”.

#### **Pindaan peraturan 104**

9. Subperaturan 104(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “71, 75, 80, 84, 88 atau 92” perkataan “71, 75, 80, 84, 88, 92, 97B atau 97C”.

#### **Pindaan peraturan 105**

10. Subperaturan 105(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “71, 75, 80, 84, 88 atau 92” perkataan “71, 75, 80, 84, 88, 92, 97B atau 97C”.

#### **Peraturan baru 109A**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 109 peraturan yang berikut:

*“Pemantauan  
pasaran.*

109A. (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, menjalankan pemantauan pasaran untuk menentukan jika mana-mana kelengkapan yang disebut dalam peraturan 97 adalah selamat dan ditampalkan dengan label mengikut peraturan 98 atau dengan label penarafan kecekapan, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sesiapa yang, dengan sengaja atau secara sedar—

(a) membuang, menarik balik atau membantu dalam pembuangan atau penarikan balik apa-apa kelengkapan yang tidak dilabelkan mengikut peraturan 98 atau yang tidak mempunyai label penarafan kecekapan, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari mana-mana premis dengan tujuan untuk mengadang atau menghalang Suruhanjaya, pegawai diberi kuasa atau agennya daripada melaksanakan apa-apa kuasanya; atau

(b) melindungi, menyimpan, menyembunyikan atau memiliki apa-apa kelengkapan yang tidak dilabelkan mengikut peraturan 98 atau yang tidak mempunyai label penarafan kecekapan, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan niat untuk menjual atau menawarkan untuk dijual,

melakukan suatu kesalahan.”.

### **Peruntukan kecualian dan peralihan**

12. (1) Mana-mana badan penilaian pematuhan tempatan sedia ada sememangnya beroperasi sebelum berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, hendaklah memohon untuk berdaftar dengan Suruhanjaya dalam tempoh enam bulan dari tarikh bermulanya kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apabila berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan ini, mana-mana pengilang atau pengimport hendaklah memohon untuk berdaftar dengan Suruhanjaya mengikut peraturan 97C, dalam tempoh satu tahun dari tarikh bermulanya kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(3) Apa-apa kelengkapan sedia ada yang telah dikilangkan, diimport, dijual atau ditawarkan untuk jualan atau pajakan sebelum berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah dikehendaki untuk mematuhi peraturan 101A, dalam tempoh satu tahun dari tarikh bermulanya kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

**Pindaan Jadual Pertama**

13. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual Pertama-

(a) dengan memasukkan selepas Borang U borang yang berikut:

“BORANG U1

(Peraturan 97B)

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI BADAN PENILAIAN PEMATUHAN

Suruhanjaya Tenaga dengan ini memperakui menurut seksyen 4(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 bahawa

.....  
di.....

.....  
telah memenuhi kehendak-kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

Suruhanjaya Tenaga memperakui bahawa

..... yang disebut di atas telah didaftarkan dan Perakuan Pendaftaran ini adalah sah selama ..... tahun dari tarikh dikeluarkan yang dinyatakan di bawah.

Tarikh dikeluarkan: .....

Tempat: .....

.....  
*Suruhanjaya Tenaga*

---

\* Tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun.”;

(b) dengan memasukkan selepas Borang V borang yang berikut:

“BORANG V1

(Peraturan 97C)

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

PERAKUAN PENDAFTARAN UNTUK MENGIKLAN/ MENGIMPORT\*

Suruhanjaya Tenaga dengan ini memperakui menurut  
seksyen 4(k) Akta Bekalan Elektrik 1990  
bahawa.....  
di.....

.....  
telah memenuhi kehendak-kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan yang  
dibuat di bawahnya.

Suruhanjaya Tenaga memperakui bahawa  
.....  
..... yang disebut di atas telah didaftarkan dan  
Perakuan Pendaftaran ini adalah sah selama .....tahun dari tarikh  
dikeluarkan yang dinyatakan di bawah.

Tarikh dikeluarkan: .....

Tempat: .....

.....  
*Suruhanjaya Tenaga*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

\*\* Tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun.”.

**Jadual Keempat baru**

14. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketiga jadual baru yang berikut:

## "JADUAL KEEMPAT

(Subperaturan 101A (1))

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990

STANDARD UJIAN PRESTASI TENAGA, STANDARD PRESTASI TENAGA MINIMUM DAN  
PENARAFAN KECEKAPAN BAGI MAKSUD PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CEKAP

<i>Kelengkapan</i>	<i>Jenis Kelengkapan</i>	<i>Standard Ujian Prestasi Tenaga</i>	<i>Standard Prestasi Tenaga Minimum (SPTM)</i>	<i>Penarafan Kecekapan</i>	
Peti sejuk	(a) satu pintu (b) dua pintu	MS IEC 62552:2011  (Kelengkapan penyejukan isi rumah- Ciri-ciri dan kaedah ujian)	Nilai SPTM = 2 Bintang	Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang
				5	+25% ≤ Indeks Bintang
				4	+10% ≤ Indeks Bintang < +25%
				3	-10% ≤ Indeks Bintang < +10%
				2	-25% ≤ Indeks Bintang < -0%
				1	-35% ≤ Indeks Bintang < -25%



<i>Kelengkapan</i>	<i>Jenis Kelengkapan</i>	<i>Standard Ujian Prestasi Tenaga</i>	<i>Standard Prestasi Tenaga Minimum (SPTM)</i>	<i>Penarafan Kecekapan</i>																								
Penghawa dingin	Penghawa dingin pecahan tunggal yang dipasang di dinding berkapasiti sehingga 25,000 Btu/j	MS ISO 5151:2004 (Penghawa dingin dan pam haba tanpa salur: Pengujian dan penarafan bagi prestasi)	Nilai SPTM = 2 Bintang	<p>(a) Kapasiti penyejukan &lt; 4.5kW:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Penarafan Bintang</th> <th>Nilai Indeks Bintang</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5</td> <td>≥11.94</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>11.16 - 11.93</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>10.37 - 11.15</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>9.56 - 10.3</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>9.00 - 9.55</td> </tr> </tbody> </table> <p>(b) 4.5kW ≤ kapasiti penyejukan ≤ 7.1kW:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Penarafan Bintang</th> <th>Nilai Indeks Bintang</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5</td> <td>≥10.71</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>9.83 - 10.70</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>8.94 - 9.82</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>8.03 - 8.93</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>7.50 - 8.02</td> </tr> </tbody> </table>	Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang	5	≥11.94	4	11.16 - 11.93	3	10.37 - 11.15	2	9.56 - 10.3	1	9.00 - 9.55	Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang	5	≥10.71	4	9.83 - 10.70	3	8.94 - 9.82	2	8.03 - 8.93	1	7.50 - 8.02
Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang																											
5	≥11.94																											
4	11.16 - 11.93																											
3	10.37 - 11.15																											
2	9.56 - 10.3																											
1	9.00 - 9.55																											
Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang																											
5	≥10.71																											
4	9.83 - 10.70																											
3	8.94 - 9.82																											
2	8.03 - 8.93																											
1	7.50 - 8.02																											

Kelengkapan	Jenis Kelengkapan	Standard Ujian Prestasi Tenaga	Standard Prestasi Tenaga Minimum (SPTM)	Penarafan Kecekapan												
Televisyen	<p>Jenis-jenis televisyen adalah daripada senarai seperti di bawah dan bersaiz sehingga atau sama dengan 70 inci:</p> <p>(a) plasma</p> <p>(b) paparan hablur cecair (LCD)</p> <p>(c) diod pemancar cahaya (LED)</p> <p>(d) tiub sinar katod (CRT)</p>	<p>(a) IEC 62087 Edisi 2.0 2008-10 bagi ukuran kuasa pada Mod Buka</p> <p>(b) MS IEC 62301:2006 bagi ukuran kuasa pada Mod Sedia</p>	Nilai SPTM = 2 Bintang	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Penarafan Bintang</th> <th>Nilai Indeks Bintang</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5</td> <td>+20% ≤ Indeks Bintang</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>+10% ≤ Indeks Bintang &lt; +20%</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>-10% ≤ Indeks Bintang &lt; +10%</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>-20% ≤ Indeks Bintang &lt; -10%</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>-30% ≤ Indeks Bintang &lt; -20%</td> </tr> </tbody> </table>	Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang	5	+20% ≤ Indeks Bintang	4	+10% ≤ Indeks Bintang < +20%	3	-10% ≤ Indeks Bintang < +10%	2	-20% ≤ Indeks Bintang < -10%	1	-30% ≤ Indeks Bintang < -20%
Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang															
5	+20% ≤ Indeks Bintang															
4	+10% ≤ Indeks Bintang < +20%															
3	-10% ≤ Indeks Bintang < +10%															
2	-20% ≤ Indeks Bintang < -10%															
1	-30% ≤ Indeks Bintang < -20%															
Kipas domestik	<p>(a) dinding</p> <p>(b) meja</p> <p>(c) berdiri</p> <p>(d) siling</p>	<p>MS 1220:2001</p> <p>(Prestasi dan pembinaan kipas berpusing elektrik dan pengatur) semakan kedua</p>	Nilai SPTM = 2 Bintang	<p>(a) Kipas siling:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Penarafan Bintang</th> <th>Nilai Indeks Bintang</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5</td> <td>≥ 3.00</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>2.74 – 2.99</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>2.66 – 2.73</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>2.58 – 2.65</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>2.50 – 2.57</td> </tr> </tbody> </table> <p>(b) Kipas berdiri, dinding dan meja:</p>	Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang	5	≥ 3.00	4	2.74 – 2.99	3	2.66 – 2.73	2	2.58 – 2.65	1	2.50 – 2.57
Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang															
5	≥ 3.00															
4	2.74 – 2.99															
3	2.66 – 2.73															
2	2.58 – 2.65															
1	2.50 – 2.57															

Kelengkapan	Jenis Kelengkapan	Standard Ujian Prestasi Tenaga	Standard Prestasi Tenaga Minimum (SPTM)	Penarafan Kecekapan													
				Penarafan Bintang	Nilai Indeks Bintang												
				5	≥ 1.20												
				4	1.12 - 1.19												
				3	1.08 - 1.11												
				2	1.01 - 1.07												
				1	0.93 - 1.00												
Lampu	<p>(a) pendarfluor</p> <p>(b) pendarfluor mampat (CFL)</p> <p>(c) diod pemancar cahaya (LED)</p> <p>(d) lampu pijar</p>	<p>(a) MSIEC 60969:</p> <p>(lampu berbalast sendiri bagi perkhidmatan pencahayaan umum- Kehendak prestasi) bagi lampu pendarfluor</p> <p>(b) LM 79-08</p> <p>(Kaedah yang diluluskan oleh IESNA bagi ukuran elektrik dan fotometri produk lampu keadaan pepejal) bagi lampu LED</p> <p>(c) MS IEC 62612 (P)</p>	<p>(a) Tiub pendarfluor:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis</th> <th>(W)</th> <th>STPM (lm/W)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">T8</td> <td>18-30</td> <td>70</td> </tr> <tr> <td>≥31</td> <td>85</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">T5</td> <td>14</td> <td>80</td> </tr> <tr> <td>≥15</td> <td>85</td> </tr> </tbody> </table> <p>(b) Lain-lain jenis lampu:</p>	Jenis	(W)	STPM (lm/W)	T8	18-30	70	≥31	85	T5	14	80	≥15	85	Tiada
Jenis	(W)	STPM (lm/W)															
T8	18-30	70															
	≥31	85															
T5	14	80															
	≥15	85															

<i>Kelengkapan</i>	<i>Jenis Kelengkapan</i>	<i>Standard Ujian Prestasi Tenaga</i>	<i>Standard Prestasi Tenaga Minimum (SPTM)</i>		<i>Penarafan Kecekapan</i>																							
		(lampu LED berbalast sendiri bagi perkhidmatan pencahayaan umum- Kehendak prestasi)	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="847 412 1037 495"><i>Jenis</i></th> <th data-bbox="1037 412 1134 495"><i>STPM (lm/W)</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="847 495 1037 607">CFLi (berbalast sendiri)</td> <td data-bbox="1037 495 1134 607"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 607 1037 640">&lt; 9 W</td> <td data-bbox="1037 607 1134 640">55</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 640 1037 674">9- 15 W</td> <td data-bbox="1037 640 1134 674">60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 674 1037 707">16-24 W</td> <td data-bbox="1037 674 1134 707">60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 707 1037 741">≥25 W</td> <td data-bbox="1037 707 1134 741">60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 741 1037 853">CFL (lampu tidak bersepadu)</td> <td data-bbox="1037 741 1134 853"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 853 1037 887">≤ 0 W</td> <td data-bbox="1037 853 1134 887">60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 887 1037 920">11-26 W</td> <td data-bbox="1037 887 1134 920">65</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 920 1037 954">≥ 27 W</td> <td data-bbox="1037 920 1134 954">85</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 954 1037 987"><i>Lampu LED</i></td> <td data-bbox="1037 954 1134 987">55</td> </tr> <tr> <td data-bbox="847 987 1037 1034">Lampu pijar*</td> <td data-bbox="1037 987 1134 1034">20</td> </tr> </tbody> </table>	<i>Jenis</i>	<i>STPM (lm/W)</i>	CFLi (berbalast sendiri)		< 9 W	55	9- 15 W	60	16-24 W	60	≥25 W	60	CFL (lampu tidak bersepadu)		≤ 0 W	60	11-26 W	65	≥ 27 W	85	<i>Lampu LED</i>	55	Lampu pijar*	20	
<i>Jenis</i>	<i>STPM (lm/W)</i>																											
CFLi (berbalast sendiri)																												
< 9 W	55																											
9- 15 W	60																											
16-24 W	60																											
≥25 W	60																											
CFL (lampu tidak bersepadu)																												
≤ 0 W	60																											
11-26 W	65																											
≥ 27 W	85																											
<i>Lampu LED</i>	55																											
Lampu pijar*	20																											

\*Nilai standard prestasi tenaga minimum (SPTM) bagi lampu pijar yang disebut diatas hendaklah tidak terpakai bagi penggunaan seperti berikut:

- (a) komponen dalam kelengkapan elektrik;
- (b) perubahan dan makmal ujikaji;
- (c) perhiasan dalaman, pertunjukan dan pameran;
- (d) keselamatan dan isyarat;
- (e) pemeliharaan haiwan dan menghalau serangga;
- (f) pemanasan dan pemeriksaan;
- (g) kebersihan dan kesihatan;
- (h) rawatan kecantikan;

- (i) lampu yang tidak boleh diganti terus dengan lampu jenis lain; dan
- (j) lampu pijar untuk tujuan lain seperti difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk dikecualikan.”.

Dibuat 2 Mei 2013

[KeTTHA: BP(R) 427/1-1 Klt. PN(PU2) 486/VI]

DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI  
*Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air*

ELECTRICITY SUPPLY ACT 1990

ELECTRICITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2013

In exercise of the powers conferred by section 53 of the Electricity Supply Act 1990 [Act 447], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Electricity (Amendment) Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into operation on 3 May 2013.

**Amendment of regulation 2**

2. The Electricity Regulations 1994 [*P.U. (A) 38/1994*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

